



**TEKS UCAPAN**  
**YBRS. TUAN SULIMAN**  
**BIN ABD RAHMAN A.M.S., P.P.T.**  
**YANG DIPERTUA, MPS**  
**DI MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 1/2019**  
**27 FEBRUARI 2019, RABU**  
**09:00 PAGI DI BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

**Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri**  
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj Wan  
Mahmood Pa' Wan Teh**  
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan mesyuarat majlis MPS **Bil.2 /2019 bagi bulan Februari** pada pagi yang berbahagia ini.

### **PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN**

1. Untuk makluman, sehingga 31 Januari 2019, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2019 sebanyak RM 14.99 juta (29.40%) daripada RM 51 juta.
2. Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 1.25 juta (17.86 %) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 7 juta.
3. Sepanjang bulan januari 2019, majlis telah meneruskan tindakan rampasan bagi yang gagal menjelaskan bayaran cukai taksiran setelah tempoh waran tamat. Antara tindakan yang dijalankan adalah :

<b>Ringkasan laporan</b>	<b>Jumlah</b>
Rampasan	10
Premis tiada orang	543
Premis kosong	40
Bayar dengan cek semasa rampasan	129
Lain – lain*	195
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>917</b>

4. Untuk makluman, tempoh bayaran cukai taksiran penggal 1/2019 akan berakhir pada esok hari dan caj lewat akan dikenakan sebanyak RM 20.00 bermula 1 Mac 2019. Sehubungan dengan itu, bagi memudahkan pembayar cukai untuk menjelaskan pembayaran, kaunter bayaran di Ibu Pejabat dan Cawangan Rawang akan dibuka dari jam 8.00 pagi hingga 12.30 tengah hari pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum sepanjang bulan Februari 2019..

**YAD TAN SRI, DATO, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,**

5. Ingin saya berkongsi mengenai keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor baru-baru ini mengenai cadangan belanjawan tahun 2019 bagi 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor.
6. Melalui keputusan mesyuarat berkenaan, semua PBT perlu memastikan penyampaian perkhidmatan di tahap optimum dengan memberi penekanan kepada pembersihan awam dan kutipan sampah bagi setiap kawasan di bawah kawal selia PBT serta menjadikan kebersihan awam sebagai agenda utama selaras dengan Anggaran Belanjawan Negeri Selangor 2019.
7. Mesyuarat juga bersetuju bahawa semua perlu memastikan pelaksanaan Belanjawan PBT 2019 selaras dengan tema kerajaan Negeri iaitu “Merancakkan Ekonomi, Memberdayakan Rakyat dan Mensejahterakan Negeri”.
8. Bagi PBT berstatus Bandaraya, mesyuarat menyarankan peruntukan sebanyak RM 3 juta manakala bagi PBT berstatus Majlis Perbandaran pula sebanyak RM1 juta kepada Jawatankuasa Penduduk bagi tujuan program atau pembangunan setempat di bawah Strategi Kelima iaitu Rakyat Berbahagia Negara Sejahtera.

**YAD TAN SRI, DATO, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,**

9. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan sekalung tahniah diucapkan kepada penerima - penerima anugerah penyampaian PeBT Negeri Selangor yang menerima anugerah bagi :
  - i) Anugerah Penghargaan Pihak Berkuasa Tempatan dan
  - ii) Anugerah PeBT Terbaik Negeri Selangor Bagi Sesi 2016-2018
10. Untuk makluman juga, baru-baru ini MPS telahpun menyampaikan Anugerah Reward YDP bagi Tahun 2017. Syabas diucapkan kepada penerima - penerima anugerah dan semoga dengan penganugerahan ini, kita semua dapat terus memberikan komitmen yang terbaik bagi MPS.
11. Saya juga ingin berkongsi mengenai beberapa program yang telah berlangsung dengan jayanya baru-baru ini seperti Sambutan Tahun Baharu Cina peringkat MPS 2019 dan Program Fun Run. Dan buat pertama kalinya, MPS telah menganjurkan Sambutan Tahun Baharu Cina secara besar-besaran di Perkarangan Menara MPS dengan kerjasama Ahli-Ahli Majlis. Sekalung tahniah diucapkan kepada Tuan U Chin Ong dan urusetia Sambutan Tahun Baharu Cina yang bertungkus-lumus menjayakan sambutan ini. Semoga sambutan seperti ini dapat disambut pada tahun-tahun akan datang dengan lebih meriah lagi.
12. Selain itu juga, pada hari Sabtu yang lepas, MPS telah menganjurkan Program Fun Run bersempena Hari Tanpa Kenderaan MPS di Dataran Ilmu Bandar Baru Selayang. Program yang mendapat

sambutan lebih daripada 800 orang ini telah berlangsung dengan jayanya dan pelbagai aktiviti yang menarik turut diadakan. Saya berharap agar program-program seperti ini dapat dijalankan dengan lebih kerap lagi agar penglibatan masyarakat dan MPS terus dapat dipereratkan lagi supaya kita dapat menjadi sebuah PBT yang dekat di hati masyarakat.

**YAD TAN SRI, DATO, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,**

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan, ingin saya maklumkan kepada semua bahawa Lawatan Pra - Audit EKSA akan dijalankan bermula 4 Mac 2019 sehingga 8 Mac 2019. Lawatan ini merupakan salah satu persediaan awal MPS untuk menghadapi lawatan sebenar Pensijilan EKSA oleh MAMPU pada bulan April ini. Saya berharap agar audit yang bakal dijalankan ini dapat memberi input yang positif kepada warga MPS bagi menghadapi pensijilan EKSA yang sebenar.

Sekian, Assalamualaikum dan terima kasih.